

**KONSEP HAK ASASI MANUSIA DALAM KARYA MELAYU
TRADISIONAL
*THE CONCEPT OF HUMAN RIGHT IN THE MALAY
TRADITIONAL TEXT***

Hasrina Baharum

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak, Malaysia
hasrina@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini mengetengahkan karya Melayu tradisional sebagai sumber untuk meneroka dan mengkaji konsep hak asasi manusia yang dipegang oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Umum mengetahui bahawa tuntutan hak asasi manusia sebenarnya adalah tidak sama. Tuntutan tersebut berbeza antara sebuah masyarakat/negara dengan masyarakat/negara yang lain bergantung kepada undang-undang, keadaan politik, kedudukan ekonomi, budaya, dan agamanya. Dalam hal ini karya Melayu tradisional sebagai sebuah dokumentasi sosial yang banyak merakamkan pelbagai sisi kehidupan masyarakat Melayu zaman silam, dapat dijadikan sebagai sumber untuk mengkaji konsep hak asasi manusia yang dipegang oleh masyarakat Melayu zaman silam, khususnya melalui karya sastera sejarah dan sastera undang-undang dan ketatanegaraan.

Kata Kunci: Konsep hak asasi manusia, masyarakat Melayu zaman silam, karya Melayu tradisional

ABSTRACT

This paper explores the works of traditional Malay as resources to explore and study the concept of human rights held by the Malay community in the past. It is common knowledge that the demands of human rights actually are not the same. These demands vary between a society / state with the community / country to another depending on the legal, political, economic, cultural, and religious issues. In this case the work of traditional Malay as a social documentation that many express a variety of ancient Malay community life, can be used as a source for studying the concept of human rights held by the ancient Malay community, especially through literary history and literary law and constitution.

Keywords: concept of human rights, the community of the past, works of traditional Malay

PENGENALAN

Perkembangan hak asasi manusia di dunia telah melalui suatu perjalanan sejarah yang panjang. Bermula dengan peristiwa Magna Charta (Piagam Agung, 1215) di Barat, diikuti dengan Bill of Rights (Undang-undang Hak, 1689), seterusnya French Declaration of the Rights of Man and Citizens of 1789 dan mencapai kemuncaknya dengan Perisytiharan Hak Asasi Manusa Sejagat (UHDR) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1948. Dua dokumen penting yang turut menyokong perisytiharan hak asasi manusia kemudiannya ialah Kovenan Antarabangsa Hak-hak Sivil dan Politik 1966 dan Kovenan Antarabangsa Hak-hak Ekonomi Sosial dan Kebudayaan 1966 (Hamzah bin Ariffin, 2011).

Setiap perkembangan tersebut membawa makna yang sangat besar kepada manusia sejagat dalam mentafsirkan konsep hak asasi manusia konteks politik ,ekonomi, agama, dan kebudayaan yang melingkungi mereka. Di Malaysia misalnya, perkembangan tersebut juga telah membawa kepada penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) melalui suatu akta

yang diberi nama Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597). Antara lain akta tersebut memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk mengendalikan kes-kes aduan yang melibatkan pelanggaran hak asasi sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, iaitu yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- a) Kebebasan diri, iaitu seseorang tidak boleh dibunuh atau dipenjarakan melainkan mengikut undang-undang.
- b) Kebebasan daripada perhambaan dan kerja paksa. Dalam hal ini seseorang tidak boleh dijadikan hamba abdi atau dikerah melakukan kerja paksa.
- c) Perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuat kuasa ke belakang dan perbicaraan berulang.
- d) Hak sama rata di sisi undang-undang tanpa dibezakan oleh faktor agama, keturunan, kaum, atau tempat lahir.
- e) Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak.
- f) Kebebasan bersuara, berhimpun, dan menubuhkan persatuan.
- g) Kebebasan beragama, iaitu setiap orang bebas mengamalkan agama masing-masing, tetapi agama Islam merupakan agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu.
- h) Hak untuk mendapatkan pelajaran secara sama rata
- i) Hak terhadap harta, iaitu seseorang tidak boleh dirampas harta bendanya tanpa diberi pampasan yang sewajarnya.

Perisytiharan hak asasi manusia di Malaysia seperti yang terdapat dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan di atas bukan sekadar menjelaskan hak rakyat, tetapi menjadi garis panduan kepada pihak pemerintah dalam menjalankan tanggungjawab mereka terhadap rakyat. Sekali imbas, terlihat bahawa konsep hak asasi yang dipegang oleh masyarakat moden hari ini bersumberkan dokumen-dokumen dari Barat, termasuklah Magna Charta (Piagam Agung, 1215) di Barat, diikuti dengan Bill of Rights (Undang-undang Hak, 1689), French Declaration of the Rights of Man and Citizens of 1789, dan Perisytiharan Hak Asasi

Manusa Sejagat (UHDR) 1948 di atas. Walau bagaimanapun, didapati bahawa tuntutan hak asasi manusia sebenarnya adalah berbeza antara sebuah masyarakat/negara dengan masyarakat/negara yang lain bergantung kepada undang-undang, keadaan politik, kedudukan ekonomi, budaya, dan agamanya. Bagi masyarakat Melayu zaman dahulu yang hidup dalam kosmologi budaya yang berbeza daripada masyarakat moden hari ini, mereka turut memiliki konsep hak asasi dalam konteks politik, ekonomi, agama dan kebudayaan yang tersendiri. Perkara ini boleh diteroka, dikaji dan dibuktikan menerusi karya Melayu tradisional, khususnya melalui sastera sejarah dan sastera undang-undang dan ketatatanegaraan

Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Pengarang Zaman Silam

Pada dasarnya konsep hak asasi manusia merujuk kepada hak yang dimiliki oleh semua insan, sama ada dari segi perundangan atau juga dari segi moral. Dari segi perundangan, hak asasi manusia ialah suatu hak yang dinikmati oleh seorang warganegara seperti yang telah termaktub dalam undangundang negara berkenaan. Sementara dari segi moral, hak asasi manusia merupakan suatu tanggapan moral yang didokong oleh anggota masyarakat tentang sesuatu hak sebagai sebahagian daripada sifat manusia. Dalam hal ini, setiap anggota masyarakat akan mengelakkan diri daripada mencabuli hak masing-masing dengan penuh perasaan moral, walaupun tidak ada undangundang yang mengikat mereka.

Jan Berting, et. al, (1990) menyatakan bahawa “Human rights are rights that human beings possess because they are human beings” (hlm. 33) Menurut Harlida Abdul Wahab dan Aishah Bidin (2001) pula, dalam konteks sejagat hak asasi manusia bermaksud manusia adalah bebas dan mempunyai hak yang sama tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, warna kulit, bahasa dan lain-lain (hlm. 71). Atas dasar itu, maka hak asasi sering menjadi satu tuntutan supaya setiap manusia diperlakukan secara sama rata dan adil (Harlida Wahab dan Aishah Bidin, 2001: 71).

Dalam konteks ini, Sulalatus Salatin (A.Samad Ahmad, 2003: 25-26) mengemukakan waadat, sebagai suatu titik tolak untuk memberi makna tentang konsep hak asasi manusia yang dipegang oleh masyarakat Melayu zaman dahulu berdasarkan karya Melayu tradisional. Waadat ini pula ialah suatu persetujuan antara raja dan rakyat untuk saling menjaga kepentingan satu sama lain dalam memastikan tidak berlakunya ketidakadilan dalam hubungan antara rakyat dan pemerintah. Dalam waadat tersebut, Seri Teri Buana, mewakili golongan raja telah berteguh janji untuk menjaga kebajikan sekalian rakyat jelata, sementara Demang Lebar Daun, mewakili golongan rakyat berikrar untuk memberikan seluruh ketataaan dan kesetiaan kepada raja. Perkara ini dapat disaksikan melalui petikan yang berikut:

.... Maka sembah Demang Lebar Daun, “Barang maklum duli tuanku Yang Maha Mulia, jikalau anak patik telah terambil ke bawah duli tuanku, jikalau ia kena penyakit seperti patik-patik yang lain, telah maklum ke bawah duli tuanku itu, jikalau ada ampun kurnia duli Yang Maha Mulia, janganlah tuanku keluarkan dari bawah istana tuanku. Biarlah ia menjadi gembala dapur Yang Maha Mulia dan menyapu sampah di bawah peraduan duli tuanku. Seperkara lagi, perjanjian patik mohonkan anugerah ke bawah duli Yang Maha Mulia, segala hamba Melayu jikalau ada dosanya ke bawah duli, patik pohonkan janganlah difadihatkan, dinista yang keji-keji, jikalau patut pada hukum syarak bunuh, tuanku; jangan duli tuanku aibi.”

Maka titah Seri Teri Buana, “Kabullah hamba akan janji paman itu; tetapi hamba pun hendak minta janji juga pada paman.” Maka sembah Demang Lebar Daun, “Janji yang mana itu, patik pohonkan titah duli Yang Maha Mulia.” Maka titah Seri Teri Buana, “Hendaklah oleh segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat budi pekertinya, jangan segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau

mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga. Maka sembah Demang Lebar Daun, “Baiklah Tuanku, tetapi jikalau anak cucu duli tuanku mengubah , anak cucu patik pun berubahlah tuanku.” (A. Samad Ismail, 2003:25-26). Dalam konteks petikan, perjanjian tersebut sebenarnya dibuat oleh Demang Lebar Daun demi menjaga kebajikan dan kepentingan anaknya Wan Sendari yang ingin diperisterikan oleh Seri Teri Buana. Terdahulu, telah berlaku beberapa siri insiden yang memperlihatkan ketidakadilan raja terhadap gadis-gadis yang diperisterikan baginda. Dalam insiden tersebut, kesemua puteri raja di Palembang yang kedal setelah diperisterikan Seri Teri Buana telah terabai begitu sahaja. Hal ini disebutkan dalam Sulalatus Salatin seperti berikut:

Maka titah Seri Teri Buana, “Adalah kita memanggil paman ini kita hendak beristeri, carikan kita, adakah paman?” Maka sembah Demang Lebar Daun, “Baiklah tuanku, yang mana titah duli tuanku Yang Maha Mulia patik junjung;” seraya ia menyembah, lalu kembali menyuruh mengambil anak raja-raja, barang yang baik dipersembahkan kepada Seri Teri Buana. Setelah malam dibawalah baginda beradu; setelah siang hari maka dilihat anak raja itu sekonyong-konyong kedal. Maka dikembalikan baginda kepada Demang Lebar Daun, minta carikan yang lain pula. Maka dipersembahkannya pula; serta dibawa baginda beradul kedal pula. Maka habislah anak raja-raja dalam negeri Palembang itu, serta dibawa baginda beradu kedal pula semua tubuhnya. Maka dipersembahkan Demang Lebar Daun mengatakan tiada lagi anak raja-raja dalam negeri Palembang ini yang baik

(A. Samad Ahmad, 2003:23-24).

Insiden tersebut menyebabkan Demang Lebar Daun mengambil satu pendekatan yang lebih bijak, iaitu mengadakan suatu perjanjian dengan Seri Teri Buana seperti yang dijelaskan

sebelum ini agar anaknya tidak mengalami nasib yang sama seperti isteri-isteri baginda sebelum ini. Bagi memperteguhkan perjanjian tersebut, suatu sumpah atas nama Allah, yang boleh memberi kesan buruk kepada pihak-pihak yang terlibat telah dibuat bagi mengelakkan berlakunya keingkaran atau ketidakpatuhan terhadap waadat terbabit. Sulalatus Salatin menegaskan perkara tersebut melalui petikan yang diperturunkan di bawah:

.... Maka titah Seri Teri Buana, “Baiklah paman, kabullah hamba akan waad itu. Maka baginda pun bersumpah-sumpahanlah dengan Demang Lebar Daun. Titah baginda, “Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumahnya ke bawah kaki ke atas.” Maka sembah Demang Lebar Daun, “Jikalau raja Melayu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negeri dan takhta kerajaannya

(A. Samad Ahmad, 2003: 26).

Dalam petikan di atas, jelas tentang akibat yang akan diterima jika salah satu daripada pihak yang terlibat melanggar perjanjian yang telah dibuat. Di pihak rakyat, kegagalan memelihara persetiaan di atas akan menyebabkan bencana, iaitu “dibalikkan Allah bumbungan rumahnya ke bawah kaki ke atas”. Di pihak raja pula, pelanggaran terhadap persetiaan tersebut akan menyebabkan negerinya binasa dan takhta kerajaannya lebur.

Jika diperhalusi, sumpah yang dilafazkan oleh kedua-dua pihak, iaitu raja dan rakyat atas nama Allah serta akibat yang akan diterima sebagai kesan pelanggaran seperti yang terpapar dalam waadat tersebut, menjelaskan konsep asas tentang hak asasi manusia yang dipegang oleh masyarakat Melayu pada zaman silam. Dalam hal ini karya Melayu tradisional membuktikan bahawa konsep hak asasi manusia yang dipegang oleh masyarakat Melayu zaman dahulu tidak jauh berbeza dengan konsep hak asasi manusia dari sudut pandangan masyarakat moden hari ini, iaitu manusia

mempunyai hak tanpa mengira keturunan dan mereka mesti diperlakukan secara adil (Harlida Wahab dan Aishah Bidin, 2001:71).

Walau bagaimanapun konsep hak asasi manusia yang dipegang oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu adalah sebuah konsep yang menjadikan ajaran agama Islam sebagai teras dalam pelaksanaannya. Dalam hal ini, karya Melayu tradisional menunjukkan bahawa setiap orang, sama ada raja atau rakyat mempunyai hak/tanggungjawab tersendiri yang perlu ditunaikan seperti yang diperintahkan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran. Sulatus Salatin memaparkan rakyat wajib menunaikan hak rajanya untuk memperoleh kesetiaan dan ketaatan seperti yang ditegaskan dalam agama:

.... Setelah berkampung semuanya, maka Bendahara Paduka Raja pun berwasiatlah pada segala anak cucunya, katanya, "Hei segala anak cucuku, janganlah kamu tukar agamamu dengan dunia yang tiada kekal adanya ini; yang hidup itu sahaja akan mati juga kesudahannya. Hendaklah kamu semua tuliskan kepada hatimu pada berbuat kebaktian kepada Allah Taala dan Rasul Allah salla 'lahu 'alaihi wa sallam; dan jangan kamu sekaliannya melupai daripada berbuat kebaktian; kerana pada segala hukum, bahawa rajaraja yang adil itu dengannabi salla 'llahu 'alaihi wa sallam, umpama dua buah permata pada sebetuk cincin; lagi pula raja itu umpama ganti Allah dalam dunia, kerana ia zillu 'llah fil 'alam. Apabila berbuat kebaktian kepada raja serasa berbuat kebaktian kepada nabi Allah; apabila berbuat kebaktian kepada nabi Allah, serasa berbuat kebaktian kepada Allah Taala. Firman Allah Taala ... yakni berbuat kebaktian kamu akan Allah, dan rasul-Nya, dan akan raja, inilah wasiatku kepada kamu semua. Hendaklah jangan kamu sekalian lupai supaya kebesaran dunia akhirat kamu semua peroleh

(A. Samad Ahmad, 2003:190).

Petikan di atas ialah sebahagian daripada wasiat Bendahara Paduka Raja sebelum beliau meninggal dunia yang menjadi kesinambungan daripada konsep hak asasi manusia dalam masyarakat Melayu zaman dahulu seperti yang terkandung dalam waadat. Dalam wasiat tersebut Bendahara Paduka Raja telah menyeru anak cucunya (mewakili golongan rakyat) supaya terus berbuat bakti dan taat kepada raja, lebihlembih lagi raja yang adil kerana perbuatan itu merupakan sebahagian daripada tuntutan agama. Bendahara Seri Maharaja menegaskan, bahawa apabila berbuat bakti kepada raja, serasa berbuat kebaktian kepada nabi Allah; apabila berbuat bakti kepada nabi Allah, serasa berbuat kebaktian kepada Allah Taala. Jelas di sini bahawa ketaatan kepada pemerintah yang adil (raja) merupakan hak raja yang perlu ditunaikan oleh rakyat kerana perkara ini merupakan perintah agama. Tidak sekadar itu, raja juga bertanggungjawab menunaikan hak-hak rakyatnya sebagai seorang pemerintah kerana keingkaran atau kegagalannya dalam menunaikan tanggungjawab tersebut akan mengundang kemurkaan Allah. Perkara ini ditegaskan dalam Sulalatus Salatin menerusi petikan berikut: Maka Sultan Mansur Syah pun memandang kepada anakanda baginda, Raja Ahmad; maka titah baginda, "Hei anakku, ketahui olehmu bahawa dunia ini sekali-kali tiada kekal adanya. Yang hidup itu sedia akan mati juga sudahnya; iman yang sempurna, pekerti yang baik itulah yang akan disebut orang selama-lamanya. Adapun peninggalan aku ini hei anakku, hendaklah engkau berbuat adil sangat-sangat, dan jangan engkau mengambil hak orang tiada sebenarnya. Makan haqu'ladam terlalu besar dosanya, tiada diampuni Allah subhanahu wa taala; melainkan dengan izin yang empunya hak juga; dan jangan khali engkau keluar dihadap orang, kerana hamba Allah sekalianya kepadamu; jikalau kesukaran baginya, hendaklah segala yang kesakitan itu segera engkau tolong; jikalau teraniaya ia, hendaklah engkau periksa ia baik-baik, supaya diakhirat jangan diberatkan Allah atasmu Sebab yang demikianlah, maka sebaiknya engkau berbuat adil dan saksama, supaya di sana jemah diringankan Allah Taala kira-kiramu; dan hendaklah engkau

muafakat dengan segala menteri dan segala Orang Besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksana dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawai, di mana akan ia melakukan kebijaksanaannya itu? Dan tiada akan sentosa kerajaannya; kerana raja itu umpama api, segala menteri itu umpama kayu; kerana api itu tiada akan nyala jikalau tiada kayu; seperti kata Farsi ..., yakni rakyat itu umpama akar, dan raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada dapat berdiri. Demikianlah raja itu dengan segala rakyatnya (A. Samad Ahmad, 2003, hlm. 171-172). Dalam petikan tadi Sultan Mansur Syah menasihati anaknya, Sultan Ahmad supaya bersikap ehsan terhadap rakyat, adil, jujur, amanah dan muafakat dengan menteri dalam urusan pentadbiran negara. Namun, yang lebih penting, petikan tersebut menunjukkan betapa perlunya wujud suatu hubungan timbal balas antara raja dan rakyat dalam konteks merealisasikan hak asasi masing-masing kerana kedua-duanya saling memerlukan dalam pembentukan sebuah negara yang kuat dan berdaulat. Hal ini ditekankan melalui ungkapan “Rakyat itu umpama akar, dan raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada dapat berdiri. Demikianlah raja itu dengan segala rakyatnya.”

Perkara yang sama juga turut diberi penekanan dalam Taj Us-Salatin, menerusi fasal yang ke-20, iaitu Peri Segala Rakyat dengan Raja dalam Kerajaan itu. Secara umumnya fasal ini menjelaskan 20 tanggungjawab raja kepada rakyatnya. Antara lain, tanggungjawab raja tersebut menyentuh tentang perkara-perkara berikut:

- a) Raja tidak boleh takbur dengan kebesarannya dan memandang rendah/hina akan rakyatnya.
- b) Raja mestilah usul periksa ketika menerima aduan tentang kesalahan rakyatnya - dalam erti kata lain, menjadi hakim yang adil dan bijaksana.
- c) Raja mestilah bersifat pengampun dan pemaaf.

- d) Raja tidak boleh pilih kasih terhadap rakyatnya dan mudah terpengaruh dengan hasutan pihak-pihak tertentu
- e) Raja tidak boleh menyalahgunakan kuasa yang ada padanya untuk mengambil hak peribadi seseorang rakyat, termasuk anak isteri atau menceroboh masuk ke dalam rumah mereka tanpa izin.
- f) Raja tidak boleh membebani seseorang rakyat dengan pekerjaan yang tidak sepadan dengan kemampuannya ketika memberi titah perintah kepada mereka.
- g) Raja mestilah menghormati rakyat yang datang menghadapnya, sama ada tua atau muda.
- h) Raja mestilah mengotakan janjinya kepada rakyat jelata.
- i) Raja mestilah menunjukkan perwatakan yang baik sama ada dari segi riak wajah dan tutur kata ketika menjatuhkan hukuman terhadap rakyat jelata.
- j) Raja mestilah berlaku adil tatkala menjatuhkan hukuman atas sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh rakyatnya.
- k) Raja hendaklah menyegerakan sumpah perdamaian antara dua pihak yang bertelagah untuk mengelakkan timbulnya fitnah.
- l) Raja tidak boleh membuka aib rakyatnya yang pernah melakukan kesalahan dan tidak boleh menyakiti rakyatnya.
- m) Raja mestilah menunjukkan contoh teladan yang baik kepada rakyat kerana perbuatannya akan menjadi ikutan.
- n) Raja mestilah menjadi payung, tempat rakyat berlindung pada waktu susah – membantu rakyat ketika mereka dalam keadaan memerlukan.
- o) Raja perlu mendekati diri dengan golongan fakir miskin serta golongan agama, duduk bersama-sama dan memuliakan mereka melebihi orang kaya kerana perbuatan ini akan mendekati seorang Raja itu dengan penciptanya, Allah.
- p) Raja mesti selalu ingat tentang maut/kematian serta prihatin akan nasib anak yatim serta fakir miskin di dalam negerinya.

- q) Raja harus memastikan keselamatan negerinya terpelihara, terutamanya di kawasan jalanraya yang menjadi tempat rakyat lalu lalang orang awam. Dalam hal ini, raja mesti menempatkan pengawal, terutamanya di perhentian-perhentian tertentu demi memastikan keselamatan rakyatnya terjaga.
- r) Raja mestilah menyediakan prasarana yang lengkap di dalam negeri untuk kemudahan rakyatnya, seperti rumah rehat untuk pedagang, membina jambatan bagi menghubungkan kawasan sungai dengan daratan dan lain-lain.
- s) Raja bertanggungjawab membina masjid di seluruh negeri kepada rakyatnya dan memberikan wang perbelanjaan kepada imam-imam serta khatib, muazzin yang bertugas. Hal ini demikian kerana bersolat itu adalah kewajipan bagi setiap umat Islam.
- t) Raja hendaklah sentiasa mengerjakan kebaikan dan menjauhi kemungkaran

(Dipermudahkan daripada TajUsSalatin yang diselenggarakan oleh Khalid, M. Hussain, 1992, hlm. 183 -194).

Jika diperhalusi, senarai 20 tanggungjawab raja kepada rakyat seperti yang dikemukakan dalam Taj Us-Salatin menerusi fasal yang ke-20 seperti di atas sebenarnya menggambarkan hak-hak seorang rakyat yang perlu ditunaikan oleh seseorang pemerintah. Bahkan, hak-hak tersebut merupakan hak asasi yang pelaksanaannya sangat dituntut oleh agama ke atas seseorang raja yang diamanahkan memegang tampuk pemerintahan negara. Perkara boleh disaksikan ketika pengarang menghuraikan tanggungjawab raja yang ke-19, seperti dalam petikan berikut:

Hak yang kesembilan belas, hendaklah yang raja itu dalam segala negeri dan segala kampung suruh berbuat sesuatu masjid pada barang tempat yang dapat dan bertentukan belanja imam dan khatib dan muazzim

supaya kerana kesukaran mereka itu jangan meninggalkan pekerjaan sembahyang. Adapun diceriterakan daripada hadhrat Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w. bersabda, "Barang siapa berbuat suatu masjid dalam dunia supaya segala hamba Allah sembahyang maka dibalaskan Allah Ta'ala akan dia suatu rumah dalam syurga yang luas rumah itu sama dunia ini."

(Khalid M. Hussain, 1992, hlm, 194).

Petikan di atas menjelaskan bahawa konsep hak asasi manusia yang dipegang oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu adalah sebuah konsep yang menjadikan ajaran agama Islam sebagai teras dalam pelaksanaannya. Dalam hal ini, karya Melayu tradisional seperti Sulalatus Salatin dan Taj Us-Salatin menunjukkan bahawa setiap orang, sama ada raja atau rakyat mempunyai hak/tanggungjawab tersendiri yang perlu ditunaikan seperti yang diperintahkan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran dan hadis.

KESIMPULAN

Demikianlah, sekadar perbincangan awal untuk meneroka dan mengkaji tentang konsep hak asasi manusia menurut pandangan masyarakat Melayu zaman silam yang boleh diteliti berdasarkan karya Melayu tradisional. Secara umumnya karya Melayu tradisional menerusi Sulalatus Salatin dan Taj Us-Salatin, bolehlah dikatakan bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu telah mempunyai konsep hak asasi manusia yang maksudnya tidak jauh berbeza dengan pengertian yang difahami dalam konteks masa kini, iaitu manusia mempunyai hak tanpa mengira keturunan dan mesti diperlakukan secara sama adil. Perkara ini dijelaskan melalui hubungan antara golongan yang memerintah (raja) dan folongan yang diperintah (rakyat).

Kedua-dua karya tersebut menunjukkan bagaimana seorang raja/pemerintah/penguasa harus memerintah negara dengan cara yang adil, berhemah, jujur, dan amanah dengan mengambil kira

kebajikan rakyatnya. Konsep keadilan tersebut pula mempunyai kaitan erat dengan tugas-tugas yang perlu diselesaikan oleh seseorang rajaiana (Tatiana A. Denisova, 2011, hlm 133-134). Di pihak rakyat pula, mereka perlu memberikan ketaatan, kesetiaan serta menyokong aspirasi dan cita-cita raja/pemerintah untuk menjadi sebuah negara yang kuat dan berdaulat. Namun, perkara yang lebih penting ialah konsep hak asasi yang dipejuangkan adalah bersifat timbal balas, untuk memberi keadilan/keuntungan kepada kedua-dua pihak mengikut kewajarannya (kena pada tempatnya menurut woldview masyarakat Melayu pada zaman dahulu) dengan menjadikan ajaran agama Islam sebagai tunjang dalam pelaksanaannya.

RUJUKAN

- A.Samad Ahmad. (Penyelenggara). (2003). *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah bin Ariffin. (2011). *Hak asasi manusia: imbalan antara hak ramai dan hak Individu*. Dicapai daripada <http://hakhak-asasi-manusia.blogspot.com/2011/05/oleh-hamzahbin-ariffin.html>
- Harlida Abdul Wahab dan Aishah Bidin. (2001). *Akta 597: satu perkembangan hak asasi manusia di Malaysia*. Jelapang, 2 (2) hlm. 71-82)
- Khalid M. Hussain. (Penyelenggara). (2003). *Taj us-salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tatiana A. Denisova. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.